

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI (ALOR SETAR)

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan tahanan POCA, SOSMA, POTA dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) :-

(a) jumlah tahanan dan peratus remaja untuk tahun 2020; dan

(b) pecahan bilangan remaja yang masih dalam tahanan atau reman.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sepanjang tahun 2020, tiada remaja ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) tetapi terdapat seramai 13 orang remaja telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah - Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Manakala, di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (LLPK) pula, seramai 17 orang remaja telah ditahan pada tahun 2020.

Daripada jumlah tersebut, empat (4) orang masih ditahan di bawah SOSMA 2012 dan seramai sembilan (9) orang masih ditahan di bawah ADB (LLPK) 1985.